

Pendidikan

Program Latihan MKM Bagi Bulan September Hingga Disember 2005

KOD / NAMA KURSUS	SASARAN / PESERTA	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH / TEMPOH
IDU 293 Pengurusan Projek	Pengurus dan Pengurus Projek Koperasi Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan Kanan yang menyelia projek koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk membolehkan peserta mengamalkan proses dan teknik penting dalam menguruskan projek koperasi	05/09 - 09/09/2005 (5 hari)
IDU 702 Penyediaan Teres Keusahawanan koperasi	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus dan Pengurus Projek Koperasi AJK Kecil Perniagaan Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk melengkapkan diri peserta dengan pengetahuan/ilmu asas/teras yang diperlukan di dalam persediaan peserta/koperasi supaya menjadi seorang usahawan yang berilmu dan berkaliber untuk menggerakkan perniagaan koperasi dengan lebih sistematik dan kompetitif.	05/09 - 08/09/2005 (4 hari)
IDA 122 Pengurusan Risiko	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk memdedahkan tentang kepentingan pengurusan risiko dalam sesebuah organisasi dan untuk membolehkan peserta menguruskan risiko dalam menentukan halatuju koperasi	19/09 - 21/09/2005 (3 hari)
IDA 802 Bengkel Jatidiri Pemimpin	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk membolehkan peserta mengenal bakat dan kemampuan diri sebagai pemimpin. Untuk membolehkan peserta membangun ketahanan diri dalam persekitaran kerja yang kompleks. Untuk membolehkan peserta memperolehi keseronokan bekerja.	19/09 - 21/09/2005 (3 hari)
IDA 710 Perniagaan Dalam Industri Makanan Halal Dan Herba	Anggota Lembaga Koperasi Anggota Jawatankuasa Kecil Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Memberi pengetahuan asas, taknikal dan teknologi kepada anggota-anggota koperasi mengenai industri makanan halal dan herba. Menggalakkan koperasi mengenalpasti peluang-peluang dan merebut perniagaan yang boleh diceburi dalam sektor ini.	19/09 - 22/09/2005 (4 hari)
IDB 294 Bengkel: Isu dan Peluang Dalam Perniagaan Agensi Pelancongan	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi AJK Kecil Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk membolehkan peserta memahami dan menjadikan aktiviti pelancongan sebagai salah satu cabang perniagaan.	29/09 /2005 (1 hari)
IDB 701 Asas Keusahawanan Koperasi	Anggota Lembaga Koperasi Anggota J/Kuasa Kecil Perniagaan Pengurus Koperasi Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta mengetahui dan menerap ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan di dalam menggerakkan perniagaan koperasi	28/11 - 01/12/2005 (4 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Puan Hayati untuk keterangan lanjut di talian 04-6438515.

Ketua Pengarang Haji Rosdi bin Abd.Aziz	Pengarang Mazalan bin Nan Mohamad Hilmi bin Rashid	Grafik Roziati binti Basah
Pemberita Saidin bin Hamid Siti Aishah binti Shaffie	Jurugambar Fuziana binti Ismail Ahmad Rashidi Khair bin Abdul Majid	Jurugambar Jamil bin Sulaiman
Percetakan / Pengedaran	Che Maimunah binti Kassim	

Sidang Pengarang



Tahukah Anda? Semut patuh trafik elak kesesakan

KEBIASAANNYA kita mengetahui manusia yang memandu kenderaan di jalan raya akan sentiasa mengikut arahan atau undang-undang trafik bagi melancarkan perjalanan dan mengelakkan kesesakan.

Bagaimanapun, kajian mendapati kumpulan semut yang sentiasa bergerak dalam barisan juga mempunyai sistem pengurusan trafik mereka sendiri bagi mengelakkan kesesakan dan menganggu perjalanan.

Menurut kajian terbaru, kumpulan semut akan mengikut laluan yang telah disediakan oleh pihak 'berkuasa' mereka yang membuka jalan yang paling selamat dan mampu mengelakkan dari menjadi mangsa.



Antara peraturan trafik mudah yang diikuti oleh semut-semut ini adalah mereka akan memberi laluan kepada barisan semut yang datang dari arah bertentangan dan semut-semut di hadapan pula akan meninggalkan bekas dalam bentuk bahan cecair yang akan memudahkan semut lain mengikut laluan itu semula jika terkeluar barisan.

Peti ais disejukkan oleh bunyi

Teknologi penyejukan peti ais masa kini menggunakan bahan kimia atau gas klorofluorokarbon dan hidrofluorokarbon yang secara tidak langsung memberi kesan kepada masalah pencemaran cuaca atau kepanasan dunia.


Kini terdapat usaha untuk menghasilkan peti sejuk yang akan menggunakan kuasa bunyi yang bertindak sebagai agen penyejukan.

Steven Garret dari Pennsylvania University, Amerika Syarikat terkenal dalam bidang "thermoakustik" iaitu penggunaan bunyi berkuasa tinggi untuk menghasilkan kepanasan dan sejuk, berusaha menghasilkan speaker yang mampu berbunyi dengan kuat dan seterusnya mempengaruhi persekitaran di dalam peti ais.

Kepanasan boleh dihasilkan dengan kuasa bunyi yang rendah, manakala kuasa bunyi yang tinggi mampu menghasilkan kesejukan.

Bagi menghasilkan persekitaran yang sejuk sehingga +4 darjah yang diperlukan bagi menyejukkan dalam peti ais, kuasa bunyi sehingga 196 desibel diperlukan. Sebagai perbandingan, bunyi enjin pesawat dari dekat menghasilkan kira-kira 130 desibel.

Tips & Info



Teh Hijau Untuk Membuang Toksik Badan

Teh Hijau asalnya terkenal di kalangan orang Jepun. Tumbuhan ini berupaya menghancurkan kolestrol dalam darah dan kandungan antioksidannya mampu melenyapkan toksid-toksik yang tidak berguna dalam tubuh badan manusia. Bagaimanapun bagi anda yang kurang mengemari minuman teh, cara alternatif untuk melangsingkan tubuh dengan menggunakan teh hijau ini ialah dengan berendam dalam air ramuan teh berkenan. Ramuan teh hijau ini akan menghilangkan selulit, mengecilkan pori-pori dan menyembuhkan luka akibat gigitan serangga.

Anda yang sering menggunakan otak semasa bekerja/para pelajar yang sentiasa memerah otak untuk belajar siang/malam. **Teh Bunga** merupakan pilihan yang tepat.



Pada anda yang banyak menggunakan tenaga untuk bekerja atau bersukan, digalakkan untuk mengambil **Teh Cina** untuk memberi lebih tenaga.

Untuk anda yang jarang melakukan senaman/aktiviti berat, **Teh Hijau** ataupun **Teh Bunga** merupakan pilihan terbaik.



Perasmian Pejabat Baru

Pejabat baru Koperasi telah dibuka dengan jayanya pada 3 April 2005, dengan dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Dato' Mohamed Khaled Nordin turut hadir ialah Timbalan Ketua MPulau Pinang, Datuk Abdul Rashid Abdullah.



Khidmat Anggota

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan pengerusi atau Setiausaha, hari bersama Pengerusi/Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

Hari	: Setiap hari Jumaat
Minggu	: Pertama (1) dan Ketiga (3)
Jam	: 9 pagi - 12 tengahari

Takziah

No Ahli	Nama	Tarikh Meninggal
771	Ramli Bin Hussain	05 Julai 2005
1134	Ishak Bin Mohd Gaus	04 Jun 2005
1497	Siron Bin Lain	07 Jun 2005
2225	Kasa Bin Othman	10 Ogos 2005
1197	Dahari Bin Arshad	18 Ogos 2005

Bantuan Kebajikan Am

Salah seorang anggota Koperasi (Awang B. Mat, no anggota 2058) mengalami bencana alam yang melibatkan kebakaran rumahnya pada 18 April 2005. Koperasi juga telah menyumbangkan sebanyak RM5000.00 sebagai bantuan ke atas bencana yang berlaku padanya.

Kad Anggota

Anggota-anggota yang tidak mempunyai 'Kad Anggota', sila bawa 2 keping gambar berwarna berukuran kad pengenalan ke Unit Perkhidmatan Anggota untuk diproses. 'Kad Anggota' ini akan digunapakai sewaktu Mesyuarat Agung Koperasi dan apabila anggota hendak berurusan dengan Koperasi.

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-

Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Alamat surat menyurat saya yang terkini adalah seperti berikut:-

Nama: No Anggota:

No. Kad Pengenalan: No. Telefon:

Alamat Baru:

Tandatangan: Tarikh:





Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,

Taman Tunas Muda, Sungai Ara,

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507